



SIARAN MEDIA

MYGEMS BANTU RAKYAT LAPOR BENCANA GEOLOGI DENGAN SEGERA

LAHAD DATU, 19 OGOS 2025 – Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG) telah menganjurkan Program Jerayawara Sistem MINGEOSIS @ MyGEMS - Aduan Bencana Geologi bersama agensi-agensi berkepentingan Negeri Sabah, yang dirasmikan oleh Yang Berhormat Datuk Dr Haji Mohd. Arifin bin Datuk Haji Mohd. Arif, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Sabah. Program ini selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI, bertujuan meningkatkan kefahaman, kesedaran, dan kerjasama strategik dalam penggunaan teknologi geospasial untuk pengurusan sumber mineral, mitigasi bencana geologi, dan perancangan pembangunan negara.

MINGEOSIS dibangunkan sebagai platform pintar untuk mengintegrasikan semua data mineral dan geosains negara, manakala MyGEMS berfungsi sebagai gerbang perkongsian maklumat geospasial yang komprehensif, mesra pengguna, dan menyokong pembuatan keputusan strategik. Kedua-dua sistem ini memberi impak besar dalam perancangan pembangunan berasaskan data yang tepat, pengurusan sumber mineral secara mampan, peningkatan kesiapsiagaan menghadapi bencana geologi, serta menggalakkan pelaburan sektor perlombongan, pembinaan, tenaga, dan pelancongan geopark.

Program ini juga menekankan peranan Aduan Bencana Geologi dalam MyGEMS, yang membolehkan laporan pantas dibuat oleh orang awam dan agensi berkaitan mengenai kejadian seperti tanah runtuh, hakisan pantai, aliran puing, dan gempa bumi. MyGEMS juga akan dipertingkatkan dengan teknologi terkini termasuk kecerdasan buatan (AI) dan Big Data bagi memastikan analisis bencana lebih tepat dan respons lebih pantas.

Majlis yang berlangsung di Lahad Datu ini turut dihadiri wakil-wakil agensi kerajaan negeri, kerajaan Persekutuan, pihak swasta, dan masyarakat setempat. Kehadiran pelbagai pihak ini membuktikan komitmen bersama dalam memacu transformasi teknologi geospasial negara. Dalam ekosistem berasaskan teknologi, kecerdasan buatan (AI) berupaya membangunkan sistem yang lebih tepat, pantas dan bermanfaat. Beliau menegaskan, “Data tanpa tindakan hanyalah arkib, tetapi data dengan tindakan adalah kuasa yang mempunyai hala tuju dan menjadi pemangkin utama ke arah pengurusan geospasial negara yang lebih maju, lestari, dan berimpak tinggi”.

KETUA PENGARAH

JABATAN MINERAL DAN GEOSAINS MALAYSIA

19 Ogos 2025